

'Jangan berlaku tragedi tanah jerlus kedua'

Insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India pada 23 Ogos lalu disusuli beberapa kejadian tanah runtuh dan mendapan telah menimbulkan kebimbangan dan persoalan awam tentang tahap keselamatan ibu kota.

Mengambil iktibar daripada kejadian tersebut, penyelenggaraan infrastruktur di kawasan berisiko, terutama pembangunan berusia melebihi tiga dekad perlu diberikan perhatian yang serius.

Ikuti temu bual wartawan *Sinar Harian*, **NORAFIZA JAAFAR** bersama Ahli Parlimen Bukit Bintang, Fong Kui Lun berkaitan isu tersebut serta perancangan yang ingin dilaksanakan olehnya.



PROFIL

Nama: Fong Kui Lun
Asal: Sungai Besi, Selangor
Status: Berkahwin (4 anak)
Kelulusan: SMK Katholik Petaling Jaya
Jawatan:

- Ahli Parlimen Bukit Bintang
- Bendahari Kebangsaan DAP Malaysia
- Naib Pengerusi DAP Wilayah Persekutuan

SINAR HARIAN: Insiden tanah jerlus melibatkan seorang mangsa di Jalan Masjid India baru-baru ini menimbulkan persoalan mengenai tahap keselamatan di Kuala Lumpur. Apakah pandangan YB mengenainya?

KUI LUN: Kejadian itu menimbulkan keprihatinan mengenai tahap keselamatan infrastruktur di Kuala Lumpur.

Ini amaran jelas bahawa kita perlu mempertingkatkan penilaian dan pemantauan terhadap keadaan tanah dan struktur bangunan, terutama di kawasan yang berisiko tinggi.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu segera melaksanakan pemeriksaan menyeluruh dan mengambil langkah-langkah pencegahan untuk memastikan keselamatan penduduk dan pelancong.

Bukit Bintang adalah antara lokasi tumpuan pelancong, justeru apakah yang perlu dilakukan untuk meningkatkan aspek keselamatan di kawasan yang digelar segi tiga emas ini?

Memandangkan Kuala Lumpur dahulu merupakan kawasan perlombongan bijih timah, saya akan mencadangkan supaya sebuah kumpulan profesional diwujudkan untuk memeriksa semua kawasan di ibu kota ini.

Selain itu, Bukit Bintang juga merupakan kawasan tumpuan pelancong utama, oleh itu, penting untuk meningkatkan ke-



Kui Lun (dua dari kanan) ketika menghadiri program kemerdekaan bersama masyarakat di Bukit Bintang baru-baru ini.

selamatan di kawasan ini.

Langkah-langkah perlu dilakukan termasuk pemeriksaan berkala terhadap infrastruktur, memastikan sistem perparitan berfungsi dengan baik dan memperbaiki lampu jalan serta meletakkan tanda-tanda amaran yang jelas.

Kerjasama dengan PBT dan pasukan keselamatan untuk memastikan pemantauan yang berterusan juga adalah penting.

Adakah YB berpuas hati dengan pelan penyelenggaraan infrastruktur yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL)?

Saya percaya ada ruang untuk penambahbaikan dalam pelan penyelenggaraan infrastruktur DBKL terutama di kawasan pembangunan yang telah berusia lebih tiga dekad.

Penyelenggaraan yang tidak mencukupi boleh membawa kepada pelbagai isu termasuk risiko keselamatan dan DBKL perlu memastikan pelan penyelenggaraan mereka lebih proaktif serta teratur untuk mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.

DBKL dan agensi berkaitan perlu meningkatkan pemantauan dan penilaian risiko secara berkala. Ini termasuk

memperbaharui dan memperbaiki infrastruktur lama, memastikan pelan penyelenggaraan yang berkesan dan melibatkan pakar dalam penilaian keselamatan tanah dan struktur. Pendidikan awam tentang keselamatan juga boleh membantu mengurangkan risiko.

Selain infrastruktur, apakah penumpuan atau pembaharuan lain yang ingin dilakukan oleh YB di Bukit Bintang?

Selain fokus kepada infrastruktur, saya juga mahu memberikan tumpuan kepada pembaharuan dalam aspek keselamatan awam, persekitaran yang lebih bersih dan penambahbaikan kemudahan awam.

Meningkatkan pengalaman pelancong serta memperkenalkan inisiatif mesra komuniti juga penting untuk memajukan Bukit Bintang sebagai destinasi lebih menarik dan selamat.

Apa pandangan YB berkenaan isu kebanjiran warga asing di ibu kota, terutama membabitkan monopoli golongan itu di beberapa lokasi tumpuan? Apakah yang boleh dilakukan bagi mengatasinya?

Sebagai Ahli Parlimen Bukit Bintang, saya percaya bahawa keutamaan harus diberikan kepada peniaga tempatan untuk memastikan mereka mendapat peluang yang adil dalam pasaran.

Kebanjiran peniaga asing terutama yang tidak mempunyai lesen sah, boleh menjejaskan peniaga tempatan dan perniagaan mereka.

Saya menggesa pihak DBKL untuk sentiasa memantau dan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga asing yang beroperasi tanpa lesen.

Langkah-langkah pemantauan ketat dan penguatkuasaan undang-undang berkesan penting untuk melindungi kepentingan peniaga tempatan dan memastikan persekitaran perniagaan adil.



Kui Lun (dua dari kiri) ketika meninjau lokasi tanah jerlus di Jalan Masjid India.



Kui Lun (kanan) menggesa PBT mengambil langkah wajar untuk menjamin keselamatan warga kota.

